

# RMT: Kerajaan akan dapatkan kehendak ramai

**K**ERAJAAN akan mendapatkan pendapat atau kehendak orang ramai terlebih dulu dalam merancang dan menentukan projek pembangunan rakyat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kata **Dr. Mahathir Muhammad** hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengalaman lalu menunjukkan bahawa segala rancangan yang ditujukan kepada pembangunan rakyat tidak seharusnya berdasarkan kepada rancangan atau planning yang disediakan oleh kerajaan atau agensi-agensinya semata-mata.

"Pada tempoh akan datang, khususnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan selanjutnya apa yang diharapkan selain dari pihak kerajaan menentukan sesuatu projek diperlukan,

**KUALA LUMPUR  
16 JUN**



**Dr. Mahathir**

akhir 1975, tetapi mengikut carian bilangan penganggur sudah meningkat 300,000 orang pada tahun 1975. Ini tidak termasuk yang separuh menganggur di kampung-kampung.

Masalah ini perlu dikaji supaya bertambahnya bilangan penduduk tidak akan membawa gejala yang tidak sihat, rambahnya.

Dr. Mahathir memberitahu, serakat ini belum ada program yang benar-benar menumpukan perhatian terhadap keperluan perancangan kesuburan.

Katanya, rancangan yang lepas-lepas sudah dapat menyediakan rancangan tertentu bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat tetapi tidak menumpukan terhadap keperluan perancangan kesuburan ini.

Beliau menjelaskan "bahawa perancangan kesuburan ini merupakan batu asas kepada membentuk sebuah keluarga yang benar-benar sihat dan cergas dalam masyarakat Malaysia moden.

Dr. Mahathir juga menarik perhatian bahawa rancangan kesuburan ini bukanlah semata-mata tanggungjawab atau beban kerajaan malah kewajipan kepada seluruh rakyat.

"Kita harus ingat bahawa rancangan ini tidak akan berhasil jika perbezaan terdapat antara kedudukan berbagai golongan di negara kita," ujarnya.

Beliau menyebut masalah kesuburan manusia memanglah masalah individu, tetapi individu tidak hidup berasingan kerana ia hidup dalam masyarakat.

Katanya, kesulitan yang timbul akibat kelahiran sekarang hanya dapat dirasakan sesudah 15 atau 20 tahun kemudian bila bayi yang dilahirkan itu memasuki bidang pekerjaan.

"Ketika itu sudah terlambat untuk kita bertindak", tambah Dr. Maha-

pendapat atau kehendak rakyat mestilah dibincang dan ditentukan terlebih dahulu," katanya.

Berucap merasnikan seminar perancangan kesuburan ke arah pencapaian kemajuan yang lebih besar di bidang sosial dan ekonomi di Dewan Tunku Abdul Rahman di sini pagi ini, Dr. Mahathir juga menyebut beberapa perkara, antaranya:

\* Bilangan penganggur di Malaysia tahun 1975 ialah 300,000 orang.

\* Kerajaan belum puas hati terhadap usaha menyusun semula masyarakat yang belum menjamin kestabilan dan keutuhan negara.

\* Soal perancangan kesuburan perlu diberi perhatian dari sekarang dan kegagalan berbuat demikian akan meruntuhkan negara yang sedang dibangunkan sekarang.

Dalam ucapannya yang dibacakan oleh Menteri Tidak Berjabatan, Tan Sri Chong Hon Nyan, Dr. Mahathir menarik perhatian rentang perlunya satu rancangan khusus terhadap perancangan kesu-

buran disediakan dari sekarang sebagai langkah membasmi kemunduran dan kemiskinan.

## Rancangan

"Kegagalan kita berbuat demikian berarti meruntuhkan negara yang sedang kita bangunkan sekarang."

Tujuan kerajaan mengadakan rancangan pembangunan dan kesuburan ialah supaya generasi yang akan datang mewarisi sebuah negara yang makmur dan rakyatnya bersatu padu dan bahagia.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kerajaan akan menitik-beratkan sebahagian besar dari masalah-masalah yang dihadapi rakyat seperti ekonomi, persekolahan anak-anak, kesihatan keluarga, kediaman dan kemudahan kebajikan, peluang pekerjaan untuk belia di samping mendidik mereka mengubah sikap mengikut nilai hidup moden.

Menurutnya, walaupun pengangguran telah mencu-

thir.

Beliau mengingatkan penghuni rumah pangsa dan seringgang-seringgang menitik-beratkan soal perancangan tersebut, memandangkan bertambahnya penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar.

Ini perlu kerana kesuburan sesuatu keluarga hendaklah disusun mengikut keadaan alam sekeliling.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan kemungkinan pihak komunis berusaha mengelirukan rakyat tentang dasar kerajaan terhadap perancangan kesuburan.

Oleh itu adalah perlu semua pihak benar-benar memahami dasar tersebut supaya tidak diperalat oleh komunis untuk kepentingan perjuangan mereka.

Dr. Mahathir berharap, seminar tersebut bertajuk perancangan kesuburan ke arah pencapaian kemajuan yang lebih besar di bidang sosial dan ekonomi, akan dapat membuat rumusan-rumusan yang dapat dilaksanakan oleh berbagai agensi kerajaan.